

28 APR 1998

Maal (rangkuman)

AGONG DAN PERDANA MENTERI HADIRI PERHIMPUNAN MAAL HIJRAH

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri perhimpunan sambutan Maal Hijrah 1419 di Pusat Islam di sini.

Perhimpunan peringkat kebangsaan yang bertemakan "Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita" yang berlangsung secara sederhana sebagai usaha berjimat cermat dihadiri oleh 1,300 orang umat Islam.

Jemaah Menteri, duta-duta dan perwakilan asing turut menghadiri perhimpunan itu. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Pemilihan tokoh Maal Hijrah tidak dilakukan tahun ini. Bagaimanapun, satu pertunjukan dengan mesej menggalakkan umat Islam menabung dipersembahkan pada perhimpunan itu.

Di KANGAR, sasterawan Nahmar Jamil ialah antara empat penerima anugerah tokoh Maal Hijrah peringkat negeri daripada Raja Perlis.

Nahmar, 60, atau nama sebenarnya Na'man Rawi telah membabitkan diri dalam bidang penulisan berunsurkan Islam sejak lebih 40 tahun lalu dan kini giat menulis puisi dan cerpen Islam.

Turut menerima anugerah itu ialah pensyarah Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis, Ahmad Jusoh, 56, yang lebih dikenali sebagai Ahmad Libya, Penolong Pengarah Pentadbiran Yayasan Islam Perlis, Taib Hassan, 63, serta bekas anggota Majlis Fatwa Perlis, Ustaz Saad Ismail, 73.

Sebanyak lima masjid menerima anugerah masjid terbaik iaitu Masjid Rahmaniah, Masjid Padang Melangit, Masjid Sentua, Masjid Panggas dan Masjid Sungai Korok.

Sempena sambutan itu, satu ekspo pembangunan Islam selama lima hari diadakan di Dataran Jubli Emas di sini mulai hari ini.

In KUCHING, sambutan diadakan malam tadi di Masjid Jamek di Petra Jaya dengan dihadiri Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammaed Noor dan Toh Puan Rosmiati, serta 5,000 umat Islam.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan pembesar-pembesar negeri beragama Islam.

Di KUANTAN, Sultan Pahang bertitah meminta umat Islam mempelajari pengajaran yang boleh diperolehi di sebalik peristiwa penghijrahan Rasulullah dari Mekah ke Madinah.

"Dari kaca mata Islam, penghijrahan Rasulullah merupakan satu takdir yang memberikan manfaat yang amat besar kepada Islam," titah baginda pada sambutan Maal Hijrah peringkat negeri Pahang di Dewan Konvensyen Negeri di sini.

Baginda bertitah pengajaran yang utama ialah bahawa setiap insan harus menaruh kepercayaan yang tulen terhadap sesuatu pembaharuan yang bakal dilalui, termasuk jika pembaharuan itu terkeluar daripada adab resam atau kebiasaan.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan menasihatkan rakyat supaya mengamalkan sifat ikhlas dalam membentuk masyarakat Islam yang bersatu padu untuk membanteras gejala negatif dalam masyarakat serta menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi negara.

Jabatan dan agensi kerajaan diminta memperbanyakkan program masyarakat penyayang bagi mempercepatkan kelahiran masyarakat Islam yang bersatu padu, titah baginda ketika melancarkan sambutan Ma'al Hijrah peringkat negeri di Masjid Ismail Petra di Kubang Kerian malam tadi.

Baginda juga menyeru rakyat mengambil sikap yang positif dan sanggup

bekerja keras untuk mencapai kejayaan itu tanpa mementingkan diri sendiri yang boleh menghancurkan umat Islam.

Tokoh korporat dan penterjemah buku terkenal Datuk Yusoff Zaky Yaacob dipilih sebagai Tokoh Ma'al Hijrah Kelantan pada tahun ini.

Yang turut hadir pada sambutan itu ialah Raja Perempuan Kelantan, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan anggota Exco negeri.

Di IPOH, Sultan Perak mengajak umat Islam supaya menjadikan kegawatan ekonomi sekarang sebagai pengajaran bagi menilai diri terhadap apa yang telah dilakukan sebelum ini.

Menurut baginda, mereka perlu merangka strategi dan rancangan yang rapi agar apa yang mereka lakukan tidak memburukkan lagi keadaan.

Umat Islam juga harus menghayati konsep syukur dengan keadaan yang berlaku sekarang kerana setiap musibah itu adalah kerana kesilapan perbuatan manusia sendiri, katanya ketika berucap pada sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Raja Perempuan Perak Tuanku Bainun, Raja Muda Perak Raja Nazrin dan Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Pada majlis itu, Haji Mohamed Hisham Anang, 71, mudir Madrasah Irsyaadiah, Batu 26, Bagan Datoh dipilih Tokoh Maal Hijrah peringkat negeri manakala Masjid As Shukriah, Felda Ijok, dipilih masjid terbaik dan Perak Hanjoong Cement sebagai Kilang Terbaik.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu bertitah segala masalah yang menimpa negara sekarang ini seperti kegawatan ekonomi, keruntuhan moral, gejala rasuah dan pembaziran masa di tempat-tempat hiburan ialah antara punca terhakisnya kesejahteraan hidup umat Islam dan rakyat di negara ini.

"Penghijrahan ini bukan sekadar perpindahan fizikal, tetapi merupakan proses perubahan menyeluruh meliputi perubahan sikap, mental dan cara berfikir selaras dengan tuntutan dan ajaran Islam," titahnya pada majlis sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Kusza).

Yang turut hadir di majlis itu ialah Tengku Ampuan Besar, Yang Dipertuan Muda Terengganu dan isteri serta Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri.

Dalam ucapannya pula, Wan Mokhtar berharap rakyat di negeri ini dapat menghadapi cabaran dalam fasa kedua Pembangunan Negeri Terengganu iaitu bagi tempoh 1996-2010 dengan membina keyakinan dan jatidiri melalui transformasi sosiobudaya.

"Proses transformasi perlu melibatkan perubahan dalam segala aspek kehidupan sosial termasuklah ekonomi dan perniagaan, budaya berpolitik, penampilan seni dan warisan sejarah, budaya ilmu dan membaca untuk pembetulan sebuah masyarakat madani," katanya.

Di ALOR SETAR, Sultan Kedah menyeru umat Islam supaya mengukuhkan lagi perpaduan yang sedia ada dalam menghadapi rintangan dan halangan yang bakal melanda di tahun baru ini, terutama ketika negara sedang menghadapi masalah ekonomi.

Dalam menghayati semangat Maal Hijrah itu, sikap yang tidak selari dengan tuntutan syarak hendaklah dijauhi, titah baginda semasa berucap pada perhimpunan Maal Hijrah di Wisma Darul Aman, di sini.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai melancarkan sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di Wisma Majlis Agama Islam Sabah di sini.

Pengerusi sambutan Datuk Pandikar Amin Mulia dalam ucapannya menggesa rakyat negeri ini agar terus menumpukan kekuatan bagi membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi.

Katanya masanya untuk menuding jari sudah berlalu dan apa yang penting ialah bagi rakyat mematuhi segala nasihat kerajaan, khususnya yang

berkaitan dengan penjimatan perbelanjaan.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Adul Samad berkata umat Islam mesti memantapkan diri dalam semua bidang agar tidak ketinggalan sekarang dan ketika abad ke-21 nanti.

Mereka juga mesti membebaskan diri daripada segala bentuk penjajahan kerana kini walaupun merdeka, banyak negara Islam masih dijajah dalam beberapa hal termasuk ekonomi, katanya pada majlis sambutan Ma'al Hijrah di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi.

Pada majlis itu Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar menyampaikan sijil, jubah khas, kitab dan wang tunai RM2,000 kepada guru agama, Haji Ali Musa, 73, yang dipilih sebagai Tokoh Ma'al Hijrah Negeri Sembilan.

Di JOHOR BAHARU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman mengajak rakyat bersatu untuk menjamin kebahagiaan ummah dan kesejahteraan negara, yang sedang menghadapi satu keadaan yang genting daripada segi pembangunan ekonomi.

Untuk memastikan negara tetap kukuh dan mantap adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memainkan peranan dengan berjimat cermat, mengelak sikap membazir dan mengamalkan sikap menabung, katanya semasa berucap merasmikan sambutan Ma'al Hijrah peringkat negeri di Kompleks Islam di sini.

Pengerusi Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Datuk Ahmad Arshad, 77, dipilih sebagai Tokoh Ma'al Hijrah Negeri Johor.

-- BERNAMA

AZ RAM MAI